Sumbangan itu disampaikan oleh Presiden Calerie Life, Steve Flipse kepada Chew Meng yang turut disaksikan oleh Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor, Mohd Kamri Kamaruddin.

Persatuan yang terletak di Kuchai Lama ini sebelum ini pernah menerima kunjungan oleh Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sewaktu beliau menjawat jawatan Perdana Menteri pada tahun lalu.



## Krismas beri keceriaan kepada kanak-kanak kurang upaya

Oleh Wartawan MalaysiaGazette - 15 December 2023



Perayaan Krismas mencerminkan betapa kukuhnya komuniti yang kita telah bina bersama-sama di Sekolah Pendidikan Khas Taarana.

KUALA LUMPUR – Sekolah Pendidikan Khas Taarana menganjurkan sambutan Krismas bagi meraikan prestasi para pelajar dalam menekankan kepentingan kerjasama antara ibu bapa dan guru.

Pengetua Taarana, Dr. Sunitha Sivakumaran berkata, kerjasama itu bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di sekolah turut dipraktikkan di rumah di samping menyediakan pengalaman pembelajaran lebih berintegrasi.

"Kami gembira dengan kerjasama yang diberikan ibu bapa sepanjang proses pembelajaran dan perayaan hari istimewa ini jelas mencerminkan betapa kukuhnya komuniti yang telah bina bersama-sama di Taarana.

"Sambutan tersebut turut diadakan bersama Hari Keluarga yang dimeriahkan dengan pelbagai permainan yang direka khusus agar para pelajar serta keluarga bekerjasama dalam menyelesaikan cabaran, teka-teki dan aktiviti interaktif yang lain," katanya dalam satu kenyataan.



Sambutan Krismas dapat menekankan kerjasama antara ibu bapa dan guru.

Taarana yang bermaksud kebangkitan dalam bahasa Sanskrit ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Yayasan RYTHM iaitu sebuah inisiatif impak sosial oleh Kumpulan Syarikat QI.


Sekolah ini menangani keperluan mendesak untuk sumber dan sokongan yang diperlukan oleh kanak-kanak kurang upaya serta keluarga mereka.

Sementara itu, Ketua Yayasan RYTHM Santhi Periasamy berkata, majlis sambutan tersebut sebagai tanda penghargaan kepada seluruh keluarga besar di sekolah itu.

"Sambutan yang diadakan mencerminkan nilai-nilai murni yang mendasari komitmen Yayasan RYTHM untuk memupuk transformasi sosial melalui pendidikan.

"Acara ini bukan sahaja mencipta detik gembira untuk para pelajar dan ahli keluarga mereka tetapi turut memperlihatkan usaha dalam menyediakan pengalaman pendidikan yang holistik dan memenuhi keperluan pelajar.

"Misi penting Yayasan RYTHM adalah meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya pendidikan keperluan khas di samping memperjuangkan inklusiviti sosial dalam usaha mengurangkan stigma terhadap kanak-kanak berkeperluan khas," ujarnya. – MalaysiaGazette



## Lelaki goda isteri orang kini tidak boleh lagi didakwa

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN 15 Disember 2023, 1:34 pm



Gambar hiasan.

PUTRAJAYA – Mahkamah Persekutuan hari ini memutuskan Seksyen 498 Kanun Keseksaan tidak lagi boleh diguna pakai dalam prosiding jenayah untuk mendakwa lelaki yang menggoda isteri orang.

Keputusan sebulat suara itu dibuat panel lima hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat apabila mengisytiharkan seksyen itu tidak berperlembagaan kerana melanggar prinsip asas berhubung kesamarataan jantina.

Ketika membacakan penghakiman ringkasnya, Hakim Tengku Maimun berkata, Seksyen 498 adalah peruntukan undang-undang sebelum merdeka atau undang-undang sedia ada seperti takrifan Perkara 162 Perlembagaan Persekutuan.

Beliau menjelaskan, Perkara 162(6) memberi kuasa kepada mahkamah atau tribunal mengubah suai atau meminda peruntukan undang-undang untuk diselarikan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Empat lagi hakim yang turut bersidang ialah Hakim Besar Malaya, Tan Sri Mohamad Zabidin Mohd. Diah, Datuk Harmindar Singh Dhaliwal, Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil.

Terdahulu panel berkenaan memutuskan demikian selepas membenarkan persoalan undang-undang yang dirujuk oleh seorang ahli perniagaan dalam usaha mendapatkan perisytiharan bahawa seksyen berkenaan tidak berperlembagaan.

Bagaimanapun keputusan itu berkuat kuasa untuk kes-kes akan datang bertujuan memelihara pendakwaan terdahulu.

Dengan keputusan itu, panel berkenaan memerintahkan kes tersebut dikembalikan ke Mahkamah Tinggi bagi membolehkan hakim berkenaan membuat perisytiharan atau perintah berkaitan prosiding yang kini berjalan di Mahkamah Majistret.

Pada Mac lalu, Mahkamah Tinggi Shah Alam membenarkan permohonan lelaki itu untuk merujuk persoalan undang-undang kepada Mahkamah Persekutuan untuk diputuskan.

Lelaki berusia 53 tahun itu didakwa di Mahkamah Majistret Petaling Jaya pada 2020 atas pertuduhan menggoda isteri orang di sebuah pangsapuri di Selangor pada 2018 selepas suami wanita itu membuat laporan polis.

Dia didakwa mengikut Seksyen 498 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda, jika sabit kesalahan.

Dalam prosiding itu, peguam-peguam J. Jayarubbiny, Jay Moi Wei Jiun dan Puteri Batrisyia Abdul Latif mewakili ahli perniagaan tersebut manakala Timbalan Pendakwa Raya Datuk Yusaini Amer Abdul Karim dibantu oleh Eyu Ghim Siang mewakili pihak pendakwaan.

Pada sesi penghujahan 18 Julai lalu, Jayarubbiny memohon agar Seksyen 498 yang menjenayahkan perbuatan lelaki menggoda isteri orang adalah tidak berperlembagaan dan perlu dimansuhkan.


Hujah beliau, peruntukan itu bersifat diskriminasi terhadap wanita yang sudah berkahwin kerana mereka dianggap sebagai hak milik suami dan terdedah kepada penderaan oleh pasangan.

Katanya, pindaan terhadap Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan untuk memasukkan perkataan 'jantina' membuktikan bahawa Parlimen, sebagai penggubal undang-undang di Malaysia telah memberi isyarat bahawa wanita dan lelaki perlu dilihat sama rata serta mempunyai hak yang sama.

Sementara itu, Yusaini Amer pula berhujah Seksyen 498 tidak bersifat diskriminasi atau bercanggah dengan Perlembagaan.

Beliau berhujah, wanita berkahwin tidak boleh diklasifikasikan dalam kategori yang sama dengan lelaki terutama dalam aspek perlindungan daripada keganasan dan jenayah kerana ia mempunyai kriteria berbeza.

Katany Seksyen 498 adalah satu perundangan dengan matlamat bagi melindungi hak suami dalam mengekalkan perkahwinan dengan si isteri apabila pihak ketiga telah menggoda atau merampasnya. – KOSMO! ONLINE



## Lelaki rogol anak kena 36 tahun, 19 sebatan

Published on: Friday, December 15, 2023  
By: Jo Ann Mool



*Setiap pertuduhan mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan membawa hukuman penjara antara lapan tahun dan 30 tahun dan sekurang-kurangnya 10 sebatan, jika sabit kesalahan.*

**KOTA KINABALU:** Seorang lelaki berumur 43 tahun, yang merogol anak perempuannya yang masih remaja sebanyak dua kali di Kota Marudu tiga bulan lalu, dijatuhi hukuman penjara sejumlah 36 tahun dan dikenakan 19 sebatan.

Lelaki itu mengaku bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus kepada tuduhan merogol mangsa berusia 16 tahun, di sebuah rumah di sebuah kampung di daerah tersebut.

Bagi pertuduhan pertama, lelaki itu dipenjarakan 15 tahun dan dikenakan tujuh sebatan kerana melakukan kesalahan itu pada jam 1 pagi 2 Sept, manakala bagi pertuduhan kedua, dia dipenjarakan 21 tahun dengan 12 sebatan.

Setiap pertuduhan mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan membawa hukuman penjara antara lapan tahun dan 30 tahun dan sekurang-kurangnya 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Elsie memerintahkan lelaki itu menjalani hukuman penjaranya secara serentak mulai tarikh dia ditangkap pada 15 Sept.

Terdahulu, mahkamah dimaklumkan oleh pihak pendakwaan bahawa ibu mangsa membuat laporan polis terhadap suaminya kerana merogol anak kedua mereka.

Si ibu membuat keputusan itu selepas dimaklumkan oleh anak perempuan ketiga mereka, yang melihat kejadian itu.


Siasatan polis mendapati dalam kedua-dua kejadian, lelaki itu merogol mangsa, yang sedang tidur di ruang tamu bersama adik perempuannya, yang melihat kejadian itu.

Ibu mereka tiada di rumah semasa kejadian kerana dia pergi ke majlis kenduri arwah di kampung lain.

Siasatan juga mendapati lelaki yang mempunyai lima anak itu telah merogol mangsa sejak berusia 13 tahun.

Mahkamah juga memerintahkan lelaki itu menjalani kaunseling pemulihan dalam tempoh tahanan dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama tiga tahun.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mazlan.



TAJUK : MAHKAMAH MANSUH MENJENYAHKAN PERBUATAN MENGGODA ISTERI ORANG

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 DIS 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

**Putrajaya:** Mahkamah Persekutuan di sini, semalam, memansuhkan Seksyen 498 Kanun Keseksaan yang berkaitan menjenayahkan perbuatan lelaki yang menggoda isteri orang kerana ia tidak berperlembagaan.

Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat dalam keputusan sebulat suara berkata panel hakim berpendapat bahawa seksyen itu adalah bercanggah dengan perlembagaan kerana ia mendiskriminasi secara tidak sah hanya atas alasan jantina, yang bertentangan dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

"Seksyen 498 hanya

## Mahkamah mansuh menjenayahkan perbuatan menggoda isteri orang

memberi hak kepada suami untuk bergantung kepada peruntukan itu dengan mengenyakan semua hak isteri. Oleh itu ini adalah diskriminasi atas alasan jantina sahaja.

"Hakikat bahawa inilah isu sebenarnya, diterangkan dengan jelas oleh Seksyen 132 Kanun Acara Jenayah, yang menyatakan bahawa "Tiada mahkamah boleh melihat ada kesalahan mengikut Seksyen 498 Kanun Keseksaan, kecuali atas aduan yang dibuat oleh suami kepada perem-

puan itu," kata Tengku Maimun.

Hakim lain dalam panel itu ialah Hakim Besar Malaya Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah dan hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Harmindar Singh Dhaliwal, Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil.

Panel itu membuat ketetapan berkenaan selepas membenarkan permohonan seorang ahli perniagaan untuk merujuk persoalan undang-undang berkenaan kepada Mahka-

mah Persekutuan, sama ada Seksyen 498 adalah tidak berperlembagaan kerana ia bercanggah dengan Perkara 8(1)(2) Perlembagaan Persekutuan berkaitan kesaksamaan di sisi undang-undang dan diskriminasi jantina.

Tengku Maimun juga berkata panel itu berpendapat bahawa Seksyen 498 adalah undang-undang sebelum Merdeka atau undang-undang "sedia ada" dalam pengertian Perkara 162 Perlembagaan Persekutuan dan tidak berupaya

untuk pindaan kehakiman di bawah Perkara 162(7) Perlembagaan Persekutuan kerana jika berbuat demikian, ia akan memerlukan pindaan yang meluas, sehingga mengubah ciri-ciri kesalahan itu.

Hakim Tengku Maimun seterusnya berkata kedua-dua pihak sama ada menerima, atau tidak menafikan, bahawa tujuan utama seksyen itu adalah untuk melihat wanita sebagai harta benda kepada suami mereka, sehinggalah perbuatan memikat mereka dianggap sebagai satu kesalahan.

"Oleh itu, kami berpuas hati bahawa satu-satunya cara yang mungkin untuk

membawa Seksyen 498 selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, adalah dengan memansuhkannya secara kehakiman dengan menyeluruh, dan itu yang kami lakukan sekarang.

"Pengkajian kami di sini hendaklah diambil berkuat kuasa secara prospektif. Pengisytiharan ini secara prospektif bertujuan mengekalkan semua pendakwaan terdahulu yang telah pun berlaku.

"Kami dengan ini menyerahkan kes ini kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat pengisytiharan dan perintah yang sewajarnya bagi melaksanakan penghakiman ini," katanya.



TAJUK : PERBICARAAN SEGARA TERTUTUP

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 DIS 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



PU Azman (tengah) hadir di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

### KES AMANG SEKSUAL PU AZMAN

# PERBICARAAN SECARA TERTUTUP

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

#### Seremban

Perbicaraan kes amang seksual fizikal membabitkan penceramah bebas, Azman Syah Alias, 42, di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, dijalankan secara tertutup.

Prosiding semalam memanggil semula saksi ke-11, iaitu mangsa, seorang remaja lelaki berusia 18 tahun sebelum Hakim Datin Surita Budin meminta individu yang tidak berkenaan supaya keluar dari kamar.

Terdahulu Azman Syah atau lebih dikenali sebagai

PU Azman tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Seremban di sini, kira-kira jam 9 pagi diiringi tiga peguam yang mewakilinya.

Dia yang berbaju Melayu kelabu dan berkopiah kelihatan tenang dan sempat melemparkan senyuman dan memberi salam kepada petugas media yang membuat liputan kes berkenaan.

Prosiding bermula kira-kira jam 10 pagi dan berlangsung selama lebih dua jam berakhir jam 12.50 tengah hari sebelum Azman

Syah dan peguamnya Mohamad Zahid Ahmad, Fahmi Adilah dan Norman Mohd Nasir keluar dari dewan perbicaraan.

Pendakwaan kes dikenalalakan Timbalan Pendakwa Raya Goh Hsiao Tung, Zahida Zakaria, Mohd Hadi Hakimi Harun.

Perbicaraan ditangguhkan dan akan bersambung pada 22 April 2024 dengan menampilkan tiga lagi saksi termasuk dua mangsa.

Pada 12 Oktober 2022, PU Azman didakwa atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap


dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa remaja lelaki berusia 16 dan 17 tahun dengan cara melakukan perbuatan kelucahan melampau.

Kesalahan itu dilakukan di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara Sendayan di Nilai pada 6 Julai tahun lalu.

Selain itu, PU Azman turut berdepan tujuh lagi pertuduhan berhubung kesalahan jenayah seksual yang didakwa dilakukannya terhadap dua kanak-kanak dan seorang remaja di Mahkamah Shah Alam, Klang dan Ampang.

Perbicaraan  
bersambung pada  
22 April 2024 dengan  
menampilkan 3 lagi saksi  
termasuk dua mangsa



TAJUK : KPWKM WELCOMES CSR COLLABORATIONS FROM ALL PARTIES

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# KPWKM welcomes CSR collaborations from all parties

Jude Toyat

**KUCHING:** The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) always welcomes partnership of all parties towards enhancing the well-being and prosperity of the nation.

According to minister Datuk Seri Nancy Shukri, corporate social responsibility (CSR) is one of the areas of collaboration with strategic partners, aimed at helping the ministry in upholding the welfare aspects of the target groups.

This, she adds, is in line with the concept of 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama' (Shared Responsibility for Welfare), where every layer of society plays a role and shares responsibility in providing social support to those in need.

"The ministry also welcomed initiatives from government-linked companies (GLCs) and other corporate sectors operating in Sarawak to emulate this impactful initiative, as demonstrated by Petronas.

"In addition to donations in the form of assistance during the festive season, GLCs and the corporate sectors can also help in elevating the well-being of the ministry's target groups in the

The ministry also welcomed initiatives from government-linked companies (GLCs) and other corporate sectors operating in Sarawak to emulate this impactful initiative, as demonstrated by Petronas.

Datuk Seri Nancy Shukri

form of moral support, especially to cancer patients," she said in her speech for the 'Uplifting Lives Festive (ULF) Programme for Christmas 2023', held by Yayasan Petronas in collaboration with Welfare Department (JKM) Sarawak here yesterday.

The programme involved 400 families in Sarawak where the national-level event took place at Dewan Pesona of Sarawak General Hospital (SGH).

Meanwhile, Yayasan Petronas chief executive officer Shariah Nelly Francis said the programme meant to spread the festive joy to underprivileged communities across Malaysia this year.


According to her, the 400 families have been identified in Sarawak as recipients of the Christmas contributions, which include essential food items along with festive treats.

"They are part of the 2,350 families nationwide. With this Christmas initiative, Yayasan

Petronas have distributed festive food items to 11,850 families this year.

"The contributions, which covers major festive celebrations in Malaysia including Chinese New Year, Hari Raya Aidilfitri, Gawai Dayak, Kaamatan, Deepavali and now Christmas, serve as testament to the foundation's commitment towards making a positive impact on the lives of those in need during auspicious festivals," she said. As part of the programme, Nancy also visited the cancer patients at the children's ward of SGH, delivering 130 food baskets from the foundation's 'Memampankan Ekonomi Asas Rakyat' (Mekar) programme, and another 70 food baskets to recipients of JKM Sarawak's aid programme.

Also accompanying her were JKM Sarawak director Adana Jed and SGH director Dr Ngian Hie Ung.



TAJUK : MINISTER: KPWKM TO ENHANCE WOMEN'S ANTI-CRIME SQUAD

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 DIS 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Minister: KPWKM to enhance women's anti-crime squad

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) wants to strengthen the Women's Anti-Crime Squad (Waja) programme to raise awareness about criminal issues in the aftermath of the killing of autistic child Zayn Rayyan Abdul Matiin.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the Waja Squad could act as a first responder for community policing in case of crime and terrorism.

"This Waja Squad is made up of members of the community including villagers who take action when there arises violence or anything related to the community, so they are the ones who will help.

"But in this case, we need to improve their legal knowledge to know what they can do," she told a press conference after closing the Policewomen's Management Development Committee (JPPPW) 2023 Seminar, here on Thursday.

Nancy said the squad could also be integrated with Ops Cantas Khas Wanita, a team run by female police officers, to implement crime awareness programmes in the community.

According to her, there are currently 328,558 Waja Squad



Nancy stresses a point during the press conference. — Bernama photo

members nationwide.


Meanwhile, Nancy called upon the community, especially parents, to be more aware of their surroundings and take lessons from the case of Zayn Rayyan's death.

"We need to be aware of children's movements because, for example, anyone can take advantage of a wandering child ... let us play a role together to ensure our children are always under our care and observation,"

she said.

In a related development, Nancy said her ministry was ready to provide counselling services to Zayn Rayyan's family in coping with the trauma.

The six-year-old autistic child was reported missing on Dec 5 in Damansara Damai, before he was found dead near a stream about 200 metres from his home block at Idaman Apartments the next day. — Bernama



TAJUK : SAMARAHAN WELFARE DEPT SERVICE CENTRE TO BE RELOCATED - NANCY

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 DIS 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Samarahan Welfare Dept service centre to be relocated — Nancy

**KUCHING:** The Sarawak government plans to relocate the Samarahan Welfare Department (JKM) service centre due to the high demand for service and limited space, says Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

She said a visit to assess the existing location at Samarahan Resident Office had already taken place.

"Indeed, it is acknowledged that the place is small, but the demand for the (JKM) service is really high. So, we cannot afford to have people becoming angry because of that.

"I was informed that there's a plan for the state government to shift JKM Samarahan elsewhere. When? I am not so sure," she told a press conference here yesterday.

Nancy was speaking on concerns that have recently surfaced on social media on the unsatisfactory service and conduct of officers at JKM in Bintulu as well as in Samarahan.

According to Nancy, she was made aware of the situation involving JKM officers.

"The location in Samarahan is crowded, especially on Mondays, with only two counters operational.

"Sometimes, the mood may not


be favourable when individuals, including parents with differently abled children, have to stand in line," she said.

On the investigations, Nancy said that she has no jurisdiction over the matter in Sarawak.

"So, with the new location, hopefully things like this will not continue.

"We always remind our staff to be careful and patient. We cannot blame people for behaving a certain way; it is due to their circumstances.

"We need to understand those seeking our services, and we need to be more patient than them," she said.



TAJUK :	ADUAN TIDAK PUAS HATI, KERAJAAN SARAWAK AKAN TAMBAH BAIK JKM SAMARAHAN: NANCY		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	16 DIS 2023	M/SURAT :	07
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# Aduan tidak puas hati, kerajaan Sarawak akan tambah baik JKM Samarahan: Nancy

**KUCHING:** Kerajaan negeri akan melakukan penambahbaikan mutu perkhidmatan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Samarahan susulan aduan tidak memuaskan daripada pelanggannya baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, beliau telah dimaklumkan mengenai perkara itu dan mengakui terdapat kesesakan di premis tersebut terutama pada hari Isnin.

“Bagaimanapun, saya telah difahamkan ada perancangan untuk kerajaan negeri terutama untuk Samarahan, di mana mereka akan berpindah ke tempat lain kerana tempat itu kecil dan permintaan



**USAH DIPANJANG:** Nancy (tengah) bercakap pada sidang media di Dewan Pesona HUS, semalam.

untuk perkhidmatan sangat tinggi di Samarahan.

“Kita tidak dapat menyalahkan mereka yang marah kerana perkara itu, yang baiknya Timbalan Menteri

Kebajikan Sarawak sudah melihat sendiri keadaan di situ.

“Sekurang-kurangnya ada maklum balas daripada pihak kerajaan dan kita berharap perkara ini tidak dipanjang-

kan lagi dan berharap ada penambahbaikan pada masa akan datang,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Peringkat Kebangsaan Program Memacu Kehidupan Krismas 2023 anjuran Yayasan Petronas dengan kerjasama JKM Sarawak di Dewan Pesona Hospital Umum Sarawak (HUS) di sini, semalam.

Mengenai bentuk tindakan yang boleh dikenakan ke atas pegawai JKM yang memberi layanan tidak baik kepada pelanggannya, Nancy berkata untuk kes di Sarawak beliau tiada bidang kuasa.

Tetapi bagi kes yang berlaku di Semenanjung misalnya, beliau sendiri akan turun

melakukan lawatan mengejut bagi melihat sendiri apa yang berlaku.

Bagaimanapun, Nancy menasihatkan kakitangan JKM untuk lebih bersabar semasa menjalankan tugas dan memahami pelanggan yang memerlukan perkhidmatan daripada mereka.

Mengenai kes bunuh kanak-kanak autisme Zayn Rayyan Abdul Mattin, Nancy berkata kes itu masih dalam siasatan pihak polis dan pihaknya tidak dapat mendedahkan apa-apa maklumat.

Namun katanya, jika ibu bapa mangsa memerlukan khidmat kaunseling daripada kementerian, pihaknya sedia membantu pada bila-bila masa.



TAJUK : BERSAMA TINGKAT KESEJAHTERAAN RAKYAT

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 DIS 2023

M/SURAT : 01&02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Bersama tingkat kesejahteraan rakyat

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa mengalu-alukan kerjasama semua pihak dalam membantu meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Menurutnya, tanggungjawab sosial korporat (CSR) merupakan salah satu kerjasama dengan rakan strategik untuk membantu kementerian dalam memelihara kebajikan kumpulan sasarannya.

Ini juga katanya, selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama' di mana semua lapisan masyarakat memainkan peranan serta memikul tanggungjawab bersama untuk memberi sokongan sosial kepada golongan yang memerlukan.

"Kementerian turut mengalu-alukan usaha murni pihak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor korporat lain yang beroperasi di Sarawak mencontohi inisiatif yang dilakukan Petronas ini.

"Selain sumbangan berupa bantuan ketika musim perayaan, pihak GLC dan sektor korporat boleh membantu dalam mensejahterakan golongan sasar kementerian dalam bentuk sokongan moral, khususnya bagi pesakit-pesakit kanser untuk mereka menjalani kehidupan harian," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Peringkat Kebangsaan Program Memacu Kehidupan Krismas 2023 anjuran Yayasan Petronas dengan kerjasama JKM Sarawak di Dewan Pesona Hospital Umum Sarawak (HUS) di sini, semalam.

Pada program itu, Yayasan Petronas menghulurkan sumbangan kepada



**SANTUNI:** Nancy beramah mesra dengan kanak-kanak dan keluarga pesakit kanser pada Program Memacu Kehidupan Krismas 2023 di Hospital Umum Sarawak, semalam. — Gambar Bernama

## ● Kerjasama semua pihak dialu-alukan bantu KPWKM pelihara kebajikan kumpulan sasar: Nancy

400 keluarga di Sarawak.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Petronas Shariah Nelly Francis berkata, program itu diadakan dengan hasrat untuk membawa lebih keceriaan kepada komuniti yang merayakan Hari

Krismas tahun ini.

Katanya, 400 keluarga di Sarawak yang dikenal pasti sebagai penerima sumbangan Hari Krismas tahun ini merupakan antara 2,350 keluarga di seluruh Malaysia yang diraikan.

"Ini melengkapkan 11,850 keluarga

secara keseluruhan yang kita raikan tahun ini melalui Program Memacu Kehidupan untuk Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri, Gawai, Kaamatan, Deepavali dan kini Krismas," katanya.

◆ Lihat Muka 2

## Bersama tingkat kesejahteraan rakyat

► Dari Muka 1

Sempena dengan program itu, Nancy turut mengadakan lawatan ke atas pesakit kanser di wad kanak-kanak di HUS.

Semasa lawatan itu, beliau menyampaikan sumbangan 130 bakul makanan daripada MEKAR (Foundation's Memampankan Ekonomi Rakyat) kepada pesakit di HUS terutama pesakit kanser

dan 70 bakul makanan kepada penerima bantuan JKM Sarawak.

Nancy turut percaya bantuan yang disampaikan semalam sedikit sebanyak dapat menceriakan golongan yang diraikan sempena sambutan Hari Krismas yang bakal menjelang.

Hadir sama Pengarah JKM Sarawak Adana Jed dan Pengarah HUS Dr Ngian Hie Ung.